



Pengertian Sejarah

Herodotus	Sejarah merupakan penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.
Ibn Khaldun	Sejarah membicarakan peradaban manusia dan perubahan yang berlaku.
E.H. Carr	Sejarah ialah satu proses interaksi antara masa kini dengan masa lampau.
Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim	Sejarah merujuk kepada peristiwa yang pernah atau sudah berlaku.
Dr. Muhd Yusuf bin Ibrahim	Sejarah merupakan catatan atau rekod sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu.



Sumber Sejarah

Sumber Primer		Sumber Sekunder								
<ol style="list-style-type: none"> Dikenali sebagai sumber pertama. Berada dalam bentuk asal dan belum diolah. Contoh sumber primer ialah fosil, manuskrip, dokumen rasmi dan artifak. 		<ol style="list-style-type: none"> Sumber sekunder ialah penulisan yang dihasilkan daripada sumber asal. Contoh sumber sekunder ialah: <table border="1" data-bbox="849 1348 1337 1540"> <tr> <td>(a)</td> <td>Buku</td> </tr> <tr> <td>(b)</td> <td>Majalah</td> </tr> <tr> <td>(c)</td> <td>Risalah</td> </tr> <tr> <td>(d)</td> <td>Akhbar</td> </tr> </table> 	(a)	Buku	(b)	Majalah	(c)	Risalah	(d)	Akhbar
(a)	Buku									
(b)	Majalah									
(c)	Risalah									
(d)	Akhbar									
(a)	Fosil	Tinggalan tumbuhan atau haiwan yang terawet								
(b)	Manuskrip	Tulisan tangan seperti <i>Hikayat Hang Tuah</i> dan <i>Sulalatus Salatin</i>								
(c)	Artifak	Hasil ciptaan manusia seperti alat batu, tembikar, senjata dan duit syiling								
(d)	Dokumen rasmi	Mengandungi catatan tentang peristiwa sejarah yang telah berlaku								



Kaedah Penyelidikan Sejarah

Kaedah Arkeologi

- Merupakan proses mendapatkan maklumat daripada bahan tinggalan sejarah.
- Kaedah ini dilakukan melalui proses gali cari (ekskavasi).
- Contohnya, fosil, tembikar, barangan logam dan kulit siput.
- Bidang arkeologi maritim atau arkeologi bawah air merupakan proses mendapatkan maklumat tinggalan kebudayaan manusia yang terdapat di dasar laut, sungai atau tasik.
- Contohnya tapak kapal karam, struktur purba dan artifak.

Kaedah Lisan

- Merupakan proses mendapatkan maklumat melalui temu bual.
- Individu yang ditemu bual dikenali sebagai orang sumber.
- Orang sumber terdiri daripada mereka yang terlibat dalam peristiwa sejarah, melihat atau mendengar peristiwa sejarah daripada orang lain.
- Langkah-langkah dalam kaedah lisan :
 - (a) Mengenal pasti orang sumber dan menyediakan soalan berdasarkan tajuk kajian
 - (b) Menemu bual dan merakamkan perbualan
 - (c) Menyalin rakaman, menyimpan data perbualan dan membuat penulisan


Kaedah Bertulis

- Merupakan proses mendapatkan maklumat daripada tulisan dan lakaran.
- Maklumat diperoleh daripada dinding gua, kayu, batu dan bahan bercetak.
- Langkah-langkah dalam kaedah bertulis :
 - (a) Mengenal pasti sumber sejarah yang tepat
 - (b) Mengumpulkan sumber sejarah
 - (c) Mentafsir maklumat dalam sumber
 - (d) Membuat penulisan



Ruang dan Masa

1. Urutan masa dikenali sebagai kronologi.
2. Konsep masa dibahagikan kepada dekad, abad dan alaf. Konsep masa juga dilihat mengikut zaman, iaitu zaman Sebelum Masihi (SM) dan zaman Masihi (M).



Dekad - Tempoh selama 10 tahun
Abad - Tempoh selama 100 tahun
Alaf - Tempoh selama 1000 tahun



Sebab dan Akibat dalam Peristiwa Sejarah

Peristiwa mendapatkan kemerdekaan bagi negara juga mempunyai sebab dan akibat.



UNIT 2

SAYA DAN KELUARGA



NOTA EFEKTIF



Biodata Diri Saya

- Biodata diri saya merujuk maklumat diri seperti nama, jantina, nama ibu bapa, tarikh lahir dan tempat kelahiran. Maklumat ini terdapat dalam:
 - Sijil kelahiran
 - MyKid
 - Kad pengenalan diri sekolah
- Sijil kelahiran dan MyKid boleh digunakan sebagai dokumen pengenalan diri untuk urusan rasmi seperti urusan pendaftaran sekolah dan membuka akaun bank.



Keluarga Saya


Keluarga Asas Saya

- Terdiri daripada bapa, ibu, abang, kakak, saya dan adik.
- Sentiasa bertolak ansur dan membantu antara satu sama lain.

Keluarga Kembangan

- Lebih besar daripada keluarga asas.
- Sentiasa mengamalkan adab yang baik seperti bersalam ketika bertemu dan menggunakan nama panggilan yang sopan.

Salasilah Keluarga Kembangan





Peranan Anggota Keluarga Saya

Peranan Anggota Keluarga

Peranan Ibu Bapa terhadap Keluarga

1. Menyara keluarga
2. Memberikan kasih sayang
3. Menjaga keselamatan
4. Menyediakan segala keperluan asas
5. Menjadi contoh teladan yang baik
6. Memberikan pendidikan yang sempurna

Peranan Anak-anak terhadap Keluarga

1. Menjaga nama baik keluarga
2. Membantu ahli keluarga
3. Saling hormat-menghormati
4. Mendengar nasihat
5. Belajar bersungguh-sungguh



Perkembangan Diri Saya

Perkembangan Diri Mengikut Garis Masa

2015

Dilahirkan

2022

Masuk tahun 1

2025

Masuk tahun 4

UNIT 3

SEJARAH SEKOLAH



NOTA EFEKTIF



Tempatku Menimba Ilmu

- Nama sekolah lazimnya diambil sempena dengan nama tempat, jalan atau tokoh yang terkenal.
- Alamat sekolah pula merujuk nama tempat, nama jalan, poskod dan nama negeri.



Lokasi Sekolah Saya

- Lokasi sekolah boleh dikenal pasti melalui mercu tanda yang berhampiran.



Sejarah Sekolah

- Sejarah sekolah merujuk kepada penubuhan dan peristiwa penting sekolah tersebut.



Identiti Sekolah

- Maklumat berkaitan dengan sekolah seperti lencana, lagu dan bendera sekolah.



Organisasi Sekolah

- Organisasi sekolah diwujudkan bertujuan untuk memastikan pengurusan pentadbiran yang lebih teratur.
- Murid perlu menghormati dan mematuhi setiap arahan dan peraturan sekolah.



NOTA EFEKTIF



Di Sinilah Saya Tinggal

- Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai alamat.
- Maklumat yang ada pada alamat ialah nombor rumah, nama jalan, poskod, nama bandar dan nama negeri.
- Setiap kawasan tempat tinggal memiliki kemudahan dan keistimewaan tersendiri.



Kawasan Tempat Tinggal Saya

- Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai bentuk muka bumi yang berbeza-besa seperti kawasan tanah tinggi, tanah pamah, pesisir laut dan pinggir sungai.
- Bentuk muka bumi mempengaruhi kegiatan masyarakat dan mempunyai keunikannya tersendiri.



Sejarah Tempat Tinggal

- Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai sejarah yang tersendiri.
- Sejarah tempat tinggal menceritakan asal usul nama tempat dan peristiwa penting yang pernah berlaku.



Tokoh Setempat

- Tokoh setempat bermaksud individu yang banyak menyumbang jasa dan bakti kepada komuniti.
- Mereka dikenali oleh penduduk setempat dan biasanya memegang jawatan tertentu dalam komuniti.



NOTA EFEKTIF



Kenali Zaman Air Batu

- Zaman Air Batu ialah zaman bumi dilitupi oleh air batu yang tebal disebabkan oleh penurunan suhu yang ketara.
- Pada Zaman Air Batu Akhir berlaku proses pengglasieran atau kecairan air batu akibat peningkatan suhu bumi.
- Pencairan air batu menyebabkan paras air laut meningkat.
- Zaman Air Batu berlaku sebanyak lima kali.
- Zaman Air Batu Akhir berlaku pada Kala Kuaterner yang dibahagikan kepada dua epok iaitu Pleistosen dan Holosen.



1. Epok Pleistosen

- Suhu bumi rendah dan banyak kawasan dilitupi air batu
- Manusia mula mengetahui cara membuat api
- Tanah dataran menjadi lebih luas



2. Epok Holosen

- Suhu bumi mula meningkat
- Air batu mula mencair
- Paras air laut meningkat



Garis Masa Zaman Air Batu

Garis masa Zaman Air Batu berlaku pada Kala Kuaterner pada Epok Pleistosen dan Epok Holosen.

2.5. juta hingga 11700 tahun dahulu
Epok Pleistosen

Kala Kuaterner

11700 tahun dahulu hingga kini
Epok Holosen

Garis Masa Zaman Air Batu Akhir Haiwan pada Epok Pleistosen



Harimau Bertaring Lengkung



Mamot



Sloth



Perubahan Zaman Air Batu Akhir

Perubahan

Perubahan Bentuk Muka Bumi

- Suhu bumi meningkat
- Ais mula mencair
- Air melimpah ke kawasan rendah sehingga membentuk tasik dan laut

Iklim

- Iklim berubah daripada terlalu sejuk kepada sederhana sejuk
- Perubahan iklim disebabkan oleh sinaran matahari dan pemanasan bumi

Rupa Bentuk Fizikal Bumi

- Perubahan bentuk fizikal bumi
- Paras air laut meningkat sehingga 100 meter

Kesan

Bentuk Fizikal Bumi yang Baharu

- Berlaku pembentukan tasik air tawar
- Aliran air sungai juga berubah

Kepupusan Haiwan

- Kepupusan berlaku akibat perubahan suhu
- Haiwan seperti harimau bertaring lengkung dan mamot telah pupus

Petempatan Manusia

- Manusia bergerak keluar ke kawasan yang lebih panas
- Manusia mencari tempat untuk membina petempatan baharu



Kesan Perubahan Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara

Kenaikan paras air laut di Pentas Sunda

Kecairan air batu menyebabkan kenaikan paras air laut yang membawa kepada pembentukan sungai dan tasik. Aliran air sungai menenggelamkan kawasan tanah rendah di sepanjang tepi pantai.

Kesan terhadap Asia Tenggara

Kecairan air batu memberikan kesan kepada kewujudan petempatan baharu.

Berlaku pergerakan manusia dan haiwan.

Manusia telah bergerak ke kawasan yang lebih tinggi dan hidup secara berpindah-randah dan akhirnya menetap.


Kawasan Asia Tenggara juga menjadi tempat tinggal haiwan.




Kenali Zaman Prasejarah

- Zaman prasejarah ialah zaman sebelum manusia mengenal tulisan.
- Terdapat empat tahap iaitu Zaman Paleolitik, Mesolitik, Neolitik dan Logam.

Garis Masa Zaman Prasejarah



Lokasi Zaman Prasejarah di Negara Kita





Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

Kegiatan Sosial Zaman Prasejarah

Zaman Paleolitik	Zaman Mesolitik	Zaman Neolitik	Zaman Logam
<ul style="list-style-type: none"> Hidup secara nomad dalam kelompok kecil Tinggal di dalam gua Mahir menggunakan api untuk menghalau haiwan buas 	<ul style="list-style-type: none"> Hidup secara nomad dalam kelompok kecil Tinggal di dalam gua, pesisir pantai atau muara sungai 	<ul style="list-style-type: none"> Hidup menetap dalam kelompok yang besar Membina petempatan di lembah sungai dan pesisir pantai 	<ul style="list-style-type: none"> Hidup menetap dalam kelompok yang lebih besar Mempunyai ketua sebagai pemimpin Mengamalkan adat dan upacara yang tersusun

Kegiatan Ekonomi Zaman Prasejarah

Zaman Paleolitik	Zaman Mesolitik	Zaman Neolitik	Zaman Logam
<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan peralatan daripada batu Mengutip hasil hutan dan memburu haiwan Berkongsi makanan 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan peralatan daripada batu yang lebih baik buatannya Mengutip hasil hutan, memburu haiwan dan menangkap ikan Perkongsian makanan masih berlaku 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan peralatan daripada batu yang lebih kemas, dilicinkan dan mempunyai pelbagai fungsi Bercucuk tanam, menangkap ikan, memternak haiwan dan menghasilkan tembikar tanah Menjalankan aktiviti perdagangan secara tukar barang dan pengkhususan kerja 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan peralatan yang diperbuat daripada logam Perdagangan dan pelayaran menjadi aktiviti utama Aktiviti perdagangan secara tukar barang semakin berkembang Menjalinkan hubungan dengan kerajaan luar



Sumbangan Teknologi

Perkembangan Teknologi dalam Kehidupan Manusia

Dahulu

- Menggunakan peralatan asas kayu dan batu.
- Menggunakan lukisan, asap dan bunyi.
- Menggunakan perahu yang diperbuat daripada batang pokok.
- Menggunakan kayu api untuk memasak

Sekarang

- Menggunakan jentera untuk meningkatkan hasil pertanian.
- Menggunakan alat komunikasi moden bagi memudahkan dan mempercepat urusan.
- Menggunakan kapal yang lebih selamat dan menjimatkan masa.
- Menggunakan dapur elektrik.

UNIT 7

KERAJAAN MELAYU AWAL




NOTA EFEKTIF



Kerajaan Melayu Awal di Alam Melayu

Garis Masa Kerajaan Melayu Awal di Alam Melayu



Monumen Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu



Kerajaan Funan



Kerajaan Champa



Kerajaan Kedah Tua



Kerajaan Srivijaya



Kerajaan Mataram



Kerajaan Majapahit



Lokasi Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu

Kerajaan Kedah Tua

Lokasi kerajaan ini di Sungai Mas dan Pangkalan Bujang, Lembah Bujang, Kedah.

Kerajaan Gangga Nagara

Lokasi kerajaan ini di Pantai Barat bahagian tengah Tanah Melayu yang terletak di Perak.

Kerajaan Beruas

Lokasi kerajaan ini di Pantai Barat bahagian tengah Tanah Melayu yang terletak di Perak.

Kerajaan Chih Tu

Lokasi kerajaan ini di Tanah Merah, Kelantan.



Kerajaan Santubong

Lokasi kerajaan ini di Sungai Sarawak, Sarawak.

Kerajaan Srivijaya

Lokasi kerajaan ini di Lembah Sungai Musi, Sumatera.

Kerajaan Mataram

Lokasi kerajaan ini di Jawa Tengah.

Kerajaan Majapahit

Lokasi kerajaan ini berpusat di Trowulan, Mojokerto, Jawa Timur.



Hubungan Diplomatik Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu

Hubungan diplomatik ialah hubungan yang terjalin antara sebuah kerajaan dengan kerajaan yang lain. Kerajaan Melayu awal menjalinkan hubungan diplomatik dengan dua kuasa besar pada masa itu, iaitu China dan India.

China

India

- Kedah Tua
- Srivijaya
- Majapahit

Politik

Menjalinkan hubungan untuk mendapatkan pengiktirafan dan menjamin keselamatan bagi mengekalkan kedudukan.



Ekonomi

- Memasarkan barang dagangan seperti rempah-ratus, bijih timah dan emas kepada kerajaan China dan India.
- Ditawarkan barangan mewah seperti tembikar, sutera, dan perhiasan.
- Hubungan diplomatik ini dapat meningkatkan kemakmuran kerajaan Melayu Awal.

Sosial

Mengeratkan persahabatan dan hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan. Hubungan ini dapat mewujudkan keamanan di Kepulauan Melayu.



Kegiatan Ekonomi Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu

Pertanian

- Lokasi di lembah sungai amat sesuai untuk kegiatan pertanian kerana tanahnya subur.
- Mengusahakan tanaman padi, pisang, buah pala, dan ubi kayu.
- Dipasarkan untuk memenuhi keperluan penduduk.

Pelabuhan dan Perdagangan

- Lokasi di Kepulauan Melayu yang berada di jalan laut perdagangan timur dan barat menjadikan perdagangan berkembang maju.
- Kewujudan pelabuhan memudahkan pedagang singgah dan menjalankan kegiatan perdagangan.
- Barangan dagangan utama iaitu rempah-ratus seperti lada hitam, bunga cengkih dan buah pala.

Hasil Hutan dan Hasil Laut


- Hasil hutan iaitu gaharu, rotan, sarang burung dan kapur barus.
- Hasil laut ialah kulit penyu, teripang dan mutiara.
- Mendapat permintaan tinggi daripada pedagang.
- Kerajaan yang mengeluarkan hasil hutan dan hasil laut ialah kerajaan Gangga Nagara, Chih-Tu dan Srivijaya.

Perlombongan dan Pembuatan

- Kegiatan perlombongan seperti bijih timah, bijih besi dan emas.
- Kegiatan pembuatan menghasilkan barang perhiasan, tembikar dan senjata.
- Kerajaan Kedah Tua, Gangga Nagara dan Santubong merupakan kerajaan yang menjalankan kegiatan perlombongan dan pembuatan.



Struktur Masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka



Struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka

Sultan

- Pemerintah tertinggi dalam pentadbiran negeri.
- Simbol perpaduan rakyat.

Pembesar

- Dilantik oleh sultan.
- Membantu sultan dalam pentadbiran negeri.



Rakyat

- Penduduk Melaka
- Pengikut setia kepada sultan dan pembesar

Hamba

- Orang suruhan sultan dan pembesar.
- Bilangan hamba melambangkan ketinggian status dan kekayaan pemiliknya.



Kenali Tokoh Terbilang

Maksud Tokoh Terbilang

Tokoh terbilang merupakan individu yang dihormati dan disanjung oleh masyarakat

Gigih

Ciri-ciri Tokoh Terbilang

Parameswara gigih memajukan Melaka sebagai pusat perdagangan

Mempertahankan Kedudukan Negara

Tun Perak mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka daripada ancaman luar

Berkorban untuk Negara

Hang Tuah mempertahankan perairan Melaka daripada serangan musuh



Tokoh	Sumbangan
1. Parameswara	<ul style="list-style-type: none"> Mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka Memajukan Melaka sebagai pusat perdagangan
2. Sultan Muzaffar Shah	<ul style="list-style-type: none"> Mengukuhkan empayar Melaka Melaksanakan sistem perundangan yang tersusun
3. Sultan Mansur Shah	<ul style="list-style-type: none"> Meluaskan empayar Melaka Menjadikan Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat pendidikan
4. Sultan Alauddin Riayat Shah	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil berat tentang keamanan dan keselamatan dalam negeri Menjaga kebajikan rakyat
5. Bendahara Tun Perak	<ul style="list-style-type: none"> Menguruskan pentadbiran secara sistematik Menunjukkan kesetiaan tinggi terhadap pemerintah
6. Laksamana Hang Tuah	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan keselamatan perairan Melaka Menjadi utusan Kesultanan Melayu Melaka



Peranan Tokoh Terbilang

Tokoh	Peranan
1. Sultan	<ul style="list-style-type: none"> Berada pada kedudukan tertinggi dalam struktur masyarakat Menjadi lambang perpaduan Melantik pembesar yang berkelayakan untuk menjalankan pentadbiran Menentukan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain Menerima kunjungan asing ke Melaka Menyebabkan Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang terkenal dan dihormati oleh kerajaan lain Mengetuai angkatan tentera Melaka bagi meluaskan jajahan takluknya Merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu Memastikan keselamatan dan keamanan Melaka terpelihara Menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan
2. Bendahara	<ul style="list-style-type: none"> Menjadi penasihat sultan dalam urusan pentadbiran Menjadi ketua pembesar dalam pentadbiran negeri Digelar tokoh terbilang Pembantu sultan dalam mengembangkan agama Islam Ketua diplomat, ketua hakim dan mengetuai angkatan perang Semasa sultan gering atau ke luar negara, bendahara dilantik menjadi pemangku sultan
3. Laksamana	<ul style="list-style-type: none"> Mengetuai angkatan laut Melaka dalam melakukan serangan Mengetuai utusan rasmi ke luar negara Menjadi duta bagi Melaka Merupakan seorang yang berani kerana beliau merupakan pengawal peribadi sultan Menjaga keamanan perairan Melaka dan para pedagang

UNIT
9

PENGASAS KESULTANAN MELAYU MELAKA




NOTA REFLEKTIF



Kenali Pengasas Kesultanan Melayu Melaka


Terdapat dua buah buku yang merekodkan tentang pengasas Kesultanan Melayu Melaka



Sulalatus Salatin

Sultan Iskandar Shah ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka

Dikenali sebagai Sejarah Melayu yang naskhah asalnya ditulis oleh Tun Sri Lanang



Suma Oriental

Parameswara ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka

Merupakan sumber Portugis yang ditulis oleh Tome Pires



Latar Belakang Parameswara

- Parameswara ialah putera kerajaan Melayu dari Palembang.
- Kerajaan Majapahit mahu menyerang Palembang kerana Parameswara cuba membebaskan Palembang daripada jajahan Majapahit.
- Parameswara bersama-sama dengan pengikut beliau meninggalkan Palembang dan menuju ke Temasik kerana diserang oleh Majapahit.
- Pengalaman Parameswara sebagai pemimpin yang bijaksana menyebabkan beliau mendapat sokongan pembesar dan pengikut yang setia.



Pengembaraan Parameswara Membina Kerajaan

1. Parameswara dan pengikutnya menaiki kapal menuju ke Temasik dan bertemu dengan Temagi. Temagi merupakan wakil kerajaan Siam yang memerintah Temasik.
2. Kedatangan Parameswara disambut baik oleh Temagi. Parameswara diizinkan oleh Temagi untuk menetap di Temasik.
3. Parameswara mendapati Temasik sesuai untuk dijadikan kerajaan kerana kedudukannya yang strategik.
4. Parameswara merancang serangan ke atas Temagi kerana Parameswara hendak menjadi pemerintah di Temasik. Temagi telah dibunuh.
5. Pemerintah Siam ingin menuntut bela dengan hutang darah di atas kematian Temagi.
6. Parameswara berundur ke Muar bersama-sama pengikutnya kerana Siam telah menyerangnya.
7. Parameswara dan pengikutnya meninggalkan Muar dan meneruskan perjalanan ke Sening Ujong.
8. Parameswara melantik seorang wakil pemerintah di Sening Ujong.



Peristiwa Pembukaan Melaka

1. Parameswara dan pengikutnya belayar meninggalkan Sening Ujong dan sampai ke muara Sungai Bertam.
2. Parameswara ternampak sebuah perkampungan nelayan lalu singgah di situ.
3. Parameswara dan pengikutnya keluar berburu. Parameswara menyaksikan anjing perburuannya ditendang oleh seekor pelanduk putih sehingga jatuh ke dalam sungai.
4. Parameswara berpendapat tempat itu sungguh bertuah dan sesuai dijadikan kerajaan apabila melihat seekor haiwan yang kecil berjaya mengalahkan haiwan yang lebih besar.
5. Parameswara mengambil keputusan untuk membuka sebuah kerajaan baharu sempena dengan nama pokok Melaka tempat baginda berteduh.



Asal Usul Nama Melaka daripada Pelbagai Sumber

Sulalatus Salatin

Menceritakan bahawa nama Melaka berasal daripada pokok Melaka, tempat Parameswara bersandar ketika pelanduk putih menendang anjingnya.

Sumber Arab

Menyebut Melaka sebagai *Malakat* yang bermaksud perhimpunan segala dagang.

Sumber India

Mengikut mitos Hindu menyatakan Melaka disebut *Amalaka*, iaitu pokok pertama yang tumbuh di alam semesta.

Suma Oriental

Nama Melaka berasal daripada perkataan *Malaqa* yang bermaksud tempat perlindungan.



Keistimewaan Melaka Semasa Pemerintahan Parameswara

Terlindung daripada Angin Monsun

Perairan Selat Melaka terlindung daripada tiupan angin monsun yang membolehkan kapal-kapal belayar dengan selamat.

Kedudukan yang Strategik

Melaka berada pada kedudukan yang strategik di antara jalan laut timur dan barat. Kedudukan yang strategik ini menarik minat para pedagang untuk singgah berdagang.

Kebijaksanaan Pemerintah

Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan pentadbiran yang cekap dan terbuka. Keterbukaan ini juga menarik minat kerajaan asing untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Melaka.

TUN PERAK BENDAHARA TERBILANG



NOTA EFEKTIF



Riwayat Hidup Tun Perak

Biodata Tun Perak	
Nama	Tun Perak
Nama Bapa	Bendahara Seri Wak Raja Tun Perpatih Serdang
Adik- beradik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tun Kudu 2. Tun Perpatih Putih
Jawatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penghulu Klang 2. Penghulu Bendahari Melaka 3. Bendahara Melaka

- Bapa Tun Perak juga pernah menjadi Bendahara Melaka.
- Kebijaksanaan Tun Perak membawa penduduk Klang termasuk keluarga tentera ke Melaka untuk melawan tentera Siam bagi menaikkan semangat juang dalam kalangan tentera.
- Tun Perak dilantik sebagai Bendahara Melaka oleh Sultan Muzaffar Shah atas kebijaksanaan.
- Dianugerahi gelaran Bendahara Paduka Raja.
- Berkhidmat sebagai bendahara kepada empat orang sultan, iaitu Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah.
- Meninggal dunia semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah.



Peranan Tun Perak

1. Ketua Pembesar

- Menjalankan tugas sultan apabila sultan gering atau ke luar negara.
- Menjalankan tugas-tugas pentadbiran atas arahan Sultan Melaka.
- Memastikan pelaksanaan undang-undang negeri Melaka dipatuhi.

2. Penasihat Sultan

- Menasihati sultan dalam hal ehwal pemerintahan.
- Menasihati sultan supaya memerintah kerajaan mengikut ajaran Islam.



3. Ketua Diplomat

- Menguruskan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain seperti China dan Siam.
- Menyambut kedatangan utusan dari negara luar seperti dari Pasai dan China ke Melaka.
- Menghantar rombongan persahabatan ke Siam.

4. Panglima Tentera

- Tun Perak membantu Sultan Mansur Shah meluaskan empayar Kesultanan Melayu Melaka.
- Tun Perak berjaya mengalahkan Pahang yang ketika itu berada di bawah penguasaan Siam.
- Tun Perak membantu Sultan Pasai yang menghadapi perang saudara.



Kebijaksanaan Tun Perak

1. Pentadbiran

- Tun Perak berjaya mewujudkan kerjasama yang erat antara sultan dengan pembesar dalam pentadbiran.
- Kerjasama ini meluaskan empayar Melaka meliputi Tanah Melayu, pantai timur Sumatera dan Kepulauan Riau-Lingga.

2. Pertahanan

- Tun Perak mengarahkan supaya jamung dipasang pada setiap pokok bakau di sepanjang pantai.
- Tentera Siam membatalkan hasrat untuk menyerang Melaka kerana menyangka ramai tentera Melaka telah bersiap sedia di sepanjang pantai.



3. Diplomatik

- Tun Perak berjaya mengekalkan keamanan dan menjamin keselamatan Melaka daripada ancaman luar.
- Tun Perak menulis surat kepada Raja Siam untuk menjalinkan hubungan persahabatan dan Raja Siam bersetuju.

4. Agama Islam

- Tun Perak merupakan seorang pembesar yang berpegang teguh kepada ajaran Islam.
- Tun Perak menggalakkan kedatangan ulama ke Melaka dan menasihati Sultan.
- Tun Perak menasihati sultan supaya memerintah kerajaan mengikut ajaran agama Islam.

5. Mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka

- Kebijaksanaan Tun Perak terbukti apabila beliau mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka dalam peristiwa anaknya Tun besar dibunuh oleh Raja Muhammad.
- Tun Perak melarang pengikutnya menuntut bela, sebaliknya meminta mereka supaya setia kepada Sultan Melaka.



Riwayat Hidup Hang Tuah

Riwayat Hidup Hang Tuah

- Asal - Kampung Sungai Duyung
- Bapa - Hang Mahmud
- Ibu - Dang Merdu Wati
- Empat orang sahabat karib :
 1. Hang Jebat
 2. Hang Kasturi
 3. Hang Lekir
 4. Hang Lekiu
- Kehebatan dan kebijaksanaan Hang Tuah :
 1. Berani dan tangkas - Menyelamatkan bendahara dalam peristiwa amuk. Bendahara mencadangkan Hang Tuah dilantik sebagai Laksamana Melaka dan empat orang sahabatnya sebagai hulubalang Melaka.
 2. Menjalankan tugas sebagai laksamana dengan penuh dedikasi
 3. Hang Tuah berjaya melihat wajah Maharaja China yang tidak boleh ditatap oleh sesiapa pun semasa mengetuai rombongan menghantar utusan Melaka ke negara China.
 4. Memujuk Tun Teja untuk berkahwin dengan Sultan Melaka. Hang Tuah berjaya membawa Tun Teja ke Melaka.
- Hang Tuah telah difitnah dan dijatuhkan hukuman bunuh oleh Sultan Melaka. Bendahara bertindak menyelamatkan Hang Tuah dengan menyembunyikannya.
- Hang Jebat telah mengamuk kerana mahu menuntut bela atas kematian Hang Tuah.
- Sultan menyesal di atas perbuatannya dan menitahkan Hang Tuah mengembalikan keamanan di Melaka
- Hang Tuah berjaya menumpaskan Hang Jebat.
- Hang Tuah dilantik sebagai Laksamana Melaka dan menyumbang kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.



Kualiti Diri Hang Tuah

Hang Tuah dilantik sebagai Laksamana Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah.

Sumbangan Hang Tuah

1. Bijaksana

- Menggunakan kebijaksanaannya ketika bertarung dengan Taming Sari sehingga memperoleh kemenangan.
- Menguasai 12 bahasa untuk memudahkannya menjalankan tugas rasmi.

2. Jujur dan Amanah

- Menjalankan tugas yang diamanahkan dengan jujur demi kesejahteraan Melaka.

3. Bertanggungjawab

- Menjaga keselamatan perairan Melaka supaya menjadi pusat perdagangan yang terkenal di dunia.
- Menjaga nama baik Melaka semasa menjadi utusan ke China, India dan Turki.

4. Taat Setia

- Mentaati perintah sultan.

5. Berani

- Mahir dalam ilmu persilatan.
- Mempelajari ilmu persilatan dengan gurunya Aria Putera.

6. Berkemahiran dalam Ilmu Persilatan

- Menyelamatkan Bendahara Tun Perak daripada orang mengamuk.
- Mengalahkan orang upahan Majapahit yang dihantar oleh Patih Gajah Mada.



Peranan Hang Tuah

Peranan Hang Tuah

Setia kepada sultan

Menjadi ketua angkatan laut

Pengawal sultan

Melaksanakan perintah sultan untuk meminang Puteri Gunung Ledang

Menjamin keselamatan pedagang

Menjaga keamanan perairan

Memujuk Tun Teja dan membawa ke Melaka

Berlawan dengan Taming Sari dan berjaya mendapat kerisnya

Mengetuai rombongan ke China dan melihat wajah Maharaja China